



Asma bersama sebahagian penerima anugerah.

NC Usim terima anugerah kepimpinan pendidikan

NAIB Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), Prof Datuk Dr Asma Ismail dipilih salah seorang penerima bagi Anugerah Kepimpinan Pendidikan bersama para penerima lain dari 63 negara seperti Sweden, Turki, Namibia, Brunei, Oman, Indonesia, India, Taiwan, Pakistan, Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Mongolia.

Anugerah disampaikan pada majlis Golden Star Academic & Educational Excellence Award 2013 sempena World Marketing Summit 2013 (WMS Malaysia 2013) yang diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 28 hingga 30 September lalu.

Dipengerusikan oleh Dr R L Bhatia, Pengerusi World CSR Day dan Pengerusi Global CMO Asia, bertujuan memberi pengiktirafan kepada pencapaian individu dan organisasi yang telah memberi sumbangan besar kepada pembangunan pendidikan.

Para penerima anugerah, termasuk Naib Canselor USIM terlebih dahulu telah dicalonkan oleh para profesional terpilih sebelum senarai ini disaring oleh barisan juri berdasarkan beberapa kriteria utama, antaranya kecemerlangan akademik dan pengurusan, persepsi pelajar semasa, cadangan daripada bekas pelajar yang berjaya dalam pelbagai bidang dan tinjauan di media perdana dan sosial.

Majlis penyampaian anugerah ini diselenggarakan Pengarah Sharjah Free Zone Authority, UAE Dr Rashid Alleem.

Antara penerima yang turut diberi pengiktirafan ialah Menteri Pendidikan Namibia Dr David Namwandi, Naib Canselor Usim Qaboos University (Oman) Dr Ali Al-Bemani, Pensyarah Pakar Kejuruteraan Petroleum, Texas A&M University (Qatar) Dr Mohamed Aggour dan Pengerusi Development Alternatives Group (India) Dr Ashok Khosla.